

Penjawat awam wajib potong gaji bayar hutang PTPTN

KOSMO
7/7/2015
mls 18

PUTRAJAYA - Kesemua 163,007 penjawat awam yang tidak membayar dan tidak konsisten menyelesaikan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diwajibkan membuat bayaran melalui potongan gaji, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Buat permulaan katanya, seramai 480 warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) termasuk 136 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional akan membuat potongan gaji bagi bayaran balik PTPTN September ini.

Tarikh permulaan pembayaran balik untuk kementerian dan agensi lain akan dibincangkan pada perjumpaan dengan Ketua Setiausaha (KSU) dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Jumaat ini, katanya.

“Jumaat ini juga saya akan serahkan senarai nama penjawat awam yang meminjam PTPTN kepada KSU dan SUK agar mereka membayar balik melalui potongan gaji,” katanya kepada pemberita selepas Program Sesi Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama pegawai JPA dan sesi taklimat PTPTN di sini semalam.

Beliau berkata, jumlah potongan bulanan akan ditentukan mengikut kemampuan masing-masing.

Mohamad Zabidi berkata, nama penjawat awam yang meminjam PTPTN akan dimasukkan ke Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia agar mereka tidak terlepas daripada membayar balik pinjaman.

- Bernama.